



KELAS TUISYEN APA YANG DIBURU

Oleh NORHISHAM MUSTAFFA

MEMANG sudah sangat kerap diperkatakan, bahkan hampir setiap tahun ada-ada sahaja media cetak kita (terutamanya akhbar-akhbar harian) yang membuat liputan khusus sekaligus memberikan tumpuan utama kepada apa yang orang kita namakan sebagai "kelas tuisyen". Liputan-liputan ini biasanya dibuat menjelang atau sehari dua selepas keluarnya pengumuman keputusan peperiksaan tahunan dalam sistem persekolahan kita. Bermula dari UPSR, merangkumi PMR dan SPM, hinggalah ke STPM.

Tak perlu bertanya "apa itu kelas tuisyen?", kerana masing-masing ibubapa sudah sedia dan sudah tahu jawapannya. Tinggal lagi, pada sisi tertentu, ada yang barangkali patut pula ditanyakan, yakni "apakah kelas tuisyen itu satu keperluan?", atau "apakah andaikata tanpa hadir ke kelas tuisyen, para murid dan para pelajar tidak mampu muncul sebagai murid/pelajar cemerlang?"

Dua pertanyaan terakhir itu akan dijawab sesuai dengan persepsi masing-masing ibu bapa. Sejaht mana mereka percaya kepada keberkesanan kelas tuisyen, maka sejauh itu pulalah mereka akan berusaha memanfaatkan keberadaan kelas tuisyen itu. Dengan kata lain, banyak ibu bapa yang tentu beranggapan bahawa adalah tidak bijaksana untuk meniasiasikan kesempatan yang diberikan oleh kelas tuisyen, apatah apabila terbukti "apa yang diperolehi daripada kelas tuisyen seolah-olah lebih berkesan daripada apa yang mungkin didapatkan di sekolah".

Sejahtmana andaian ini boleh diterima, sekali lagi bergantung kepada apa yang ibu bapa cita-citakan terhadap anak-anak mereka. Hanya satu, senario kelas tuisyen yang mampu muncul sebagai penggerak utama dalam sistem pendidikan kita, membuktikan bahawa ada kesedaran yang amat besar di kalangan ibu bapa untuk melihat anak-anak mereka berjaya, kalau boleh biarlah kejayaan itu lebih hebat berbanding dengan kejayaan anak-anak lain.

Bertitik-tolak dari ini, kita dengan mudah dapat memahami mengapa di sana sini pusat-pusat tuisyen tumbuh dan mekar dengan amat subur. Dengan itu juga, kita mesti faham bahawa apabila hadirnya satu demi satu para guru tuisyen di tengah kita, memperkenalkan kelas-kelas tuisyen anjuran kita, membuat bebahan atau bahkan melakukan pengiklanan melalui media mengenai keberadaan dan keberhasilan kelas-kelas tuisyen yang mereka anjurkan, sesungguhnya kita tidak boleh bersalah-anggapan terhadap komitmen mereka itu.

Sangat tidak manis untuk menempelak,

menyindir atau menuduh para guru tuisyen itu sebagai orang-orang yang sengaja mencari untung, yang sengaja mengeskloit keadaan, yang lebih mengejar laba berbanding dengan kesediaan berbakti. Setiap seorang dari kita, apabila tiba-tiba kita berasa cemburu atau berasa kurang senang terhadap aktiviti kelas-kelas tuisyen yang kita anggap sengaja hendak menanggung di air keruh, sepatutnya berfikir belasan kali sebelum menzahirkan keceburluan itu. Kita sepatutnya kembali dulu kepada diri kita, kepada kehendak kita, kepada sampai ke mana kita ingin melihat anak-anak kita berjaya dalam pelajaran, baik di peringkat sekolah rendah mahu pun di peringkat sekolah menengah.

Yang nombor wahid adalah pertanyaan berikut: "Apa sesungguhnya yang ibu bapa buru?"

Jika jawapannya nanti adalah apa yang berlegar dalam kandungan prestasi, maka pertanyaan akan menjadi lebih panjang: "Prestasi sehebat mana yang ibu bapa mahu dan sandarkan kepada anak-anak mereka?"

Andaikata yang ibu bapa buru adalah keberhasilan anak-anak mereka ketika meniti jenjang peperiksaan, dari UPSR hingga ke PMR hingga ke SPM dan langsung ke STPM, maka wajarlah bagi ibu bapa berusaha sedaya-upaya untuk membantu anak-anak mereka. Dan cara terbaik untuk membantu adalah dengan menyelia dan memantau pergerakan anak-anak sepanjang masa bersekolah, mendorong dan memberi galakan moral dan semangat, selain menyediakan apa sahaja kemudahan untuk belajar (alat-alat pembelajaran, memanfaatkan perpustakaan, dan bila mana mampu, turut membantu menyempurnakan kerja-kerja sekolah yang patut diselesaikan di rumah).

Dan bagi ibu bapa yang memang cukup mampu, alternatif paling berkesan adalah dengan bersetuju (menyediakan sedikit biaya-yuran) supaya anak-anak turut masuk ke kelas-kelas tuisyen yang dianjurkan sendiri oleh pihak sekolah. Dan bagi ibu bapa yang lebih mampu lagi, mereka akan menghantar anak-anak ke kelas-kelas tuisyen "swasti". Untuk ini mereka akan memilih kelas-kelas tuisyen yang telah membuktikan prestasi tuisyen sejak sekian tahun. Yuran bulannya mungkin lebih mahal, tetapi apa sangatlah nilainya wang(bagi yang betul-betul berada) berbanding apa yang nanti bakal diraih oleh anak-anak?

Pada waktu yang sama, pasti akan muncul pula pertanyaan susulan lain. Yaitu para guru sendiri, "Apa yang guru buru?" Apa yang ingin guru gapai

sepanjang menjadi guru. Jawapannya adalah umum, bahawa rata-rata para guru, siapapun dia, pasti ingin melihat murid-murid atau pelajar-pelajarnya muncul sebagai murid/pelajar yang pandai, yang bijak, yang nantinya cemerlang dalam apa jua peperiksaan. Untuk itulah, kita temui guru-guru yang begitu dedikasi, yang tak pernah mengenal penat dan putus asa sepanjang menjadi guru. Mereka tidak memburu elau atau upah yang lebih. Mereka hanya bercita-cita agar anak-didik mereka sentiasa cemerlang.

Dengan itu, antara mereka pasti ada yang secara sukarela menambah masa mengajarnya di sekolah; atau bersedia membuka kelas tambahan (ala-tuisyen) di sekolah dengan upah yang sangat minimal. Malangnya, dan ini akan berbalik kepada sikap ibu bapa, tidak jarang murid atau pelajar yang mengabaikan kelas-kelas tambahan di sekolah. Ibu bapa sendiri bakaikan tidak mengambil-berat mengenai keperluan anak-anak berada dalam kelas tambahan di sekolah ini. Mereka sebaliknya lebih ghairah menghantar anak-anak mereka ke kelas-kelas tuisyen di luar sekolah.

Alasannya mudah: ibu bapa lebih percaya bahawa apa yang "dipersembahkan" di kelas-kelas tuisyen lebih berkesan, lebih "hebat" dan lebih "bersemangat" berbanding dengan apa yang "disampaikan" dalam kelas-kelas di sekolah, atau dalam kelas-kelas tambahan anjuran pihak sekolah sediri. Seolah-olah guru yang mengajar di sekolah itu tidak berkelayakan, kurang mampu dan "cincai".

Anehnya pula, (padahal) kadangkadangkang guru-guru yang membuka atau turut mengajar di kelas-kelas tuisyen itu adalah juga guru-guru yang mengajar di sekolah, bahkan guru-guru itu juga yang membuat dan membuka kelas tambahan di sekolah, petang atau malam.

Nah, dalam masalah ini, mengapa harus berbeza pencapaian murid/pelajar, antara yang hadir ke kelas tambahan di sekolah dengan yang masuk ke kelas tuisyen di luar itu? Kalau gurunya dalam "gred" dan "status" yang sama, bagaimanakah mungkin masih terjadi kesenjangan itu? Apakah ketika mengajar di kelas tambahan di sekolah, apa yang diperah adalah lima puluh peratus sahaja dari kemahiran mengajarnya, sebab apa yang dilaukan di kelas-kelas tuisyen di luar adalah seratus peratus dari kesungguhannya?

Jika ini benar, para-garap apa? Gara-gara upah yang berbeza?


Bahkan dalam keadaan lain, ada juga guru-guru tuisyen itu, sama ada yang makan gaji kepada mana-mana pusat tuisyen, atau yang menjadi faukh pusat-pusat tuisyen, adalah mereka yang pada

awalnya gagal untuk menjadi guru secara rasmi (setaraf dengan kelulusan akademik mereka). Anehnya guru-guru ini (antaranya ada yang tak pernah mendapat atau tak pernah menerima latihan rasmi sebagai guru) mampu pula menjadi populer, mampu meraih reputasi dan begitu beroleh kepercayaan daripada ibu bapa (dan diminati pula oleh murid/pelajar umumnya) sehingga kelas tuisyen anjuran mereka sentiasa padat dengan "pemburu kecemerlangan" dari kalangan murid dan pelajar.

Maka di sana juga, tidak sedikit didapatkan guru-guru tuisyen yang beroleh pendapatan bulanan lebih lumayan berbanding guru-guru rasmi di sekolah, bahkan jadi kaya raya, dan dari waktu ke waktu pusat-pusat tuisyen mereka mampu memperluaskan usaha untuk nanti diwarisi oleh anak cucu pengasasnya. Maka kita pun bertanya-tanya, bagaimana pusat tuisyen ini boleh begitu sukses, dan bagaimana pada gilirannya kita melihat guru-guru yang memang pakar dan cemerlang di sekolah-sekolah milik kerajaan mahu pula datang menjadi tenaga pengajar sambil di pusat-pusat tuisyen swasta?

Sekali lagi, isu ini akan berbalik kepada kehendak dan harapan besar ibu bapa sendiri. Dan antara ibu bapa itu, tentu saja dari dari kalangan mereka yang bekerja sebagai "guru" yang rasmi. Jika pada satu waktu, kelas-kelas tuisyen biasanya adalah tumpuan murid/pelajar yang kurang pintar (yakni mereka datang ke kelas tuisyen untuk mengesah dan mengilir kepintaran mereka), keadaan telah banyak berubah kini apabila murid-murid tertimpit di sekolah ikut masuk ke kelas tuisyen, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas dorongan ibu bapa. Nah, timbul lagi kemusykilan, bagaimana sampai ibu bapa masih mahu anak-anak mereka hadir ke kelas tuisyen, kalau sudah diketahui anak-anak itu memang pintar? Inilah apa yang disebut sebagai konflik keyakinan, yakni banyak ibu bapa yang masih tidak percaya kepada kepintaran anak-anak, kepada keupayaan guru di sekolah, kepada kesungguhan guru-guru di sekolah yang membuka kelas tambahan, sehingga akhirnya harus diperkuatkan lagi melalui kelas tuisyen.

Konflik ini berbalik lagi kepada ibu bapa: "apa yang mereka ingin buru sepanjang anak-anaknya di sekolah?" Apakah sekadar beroleh sebanyak-banyak A dalam semua jenis peperiksaan; atau supaya anak-anak tidak hanya jadi betul-betul cemerlang bukan ketika menerima keputusan peperiksaan sahaja, melainkan sepanjang persekolahan dan pengajiannya (hingga ke pusat pengajian tinggi)?



Apabila semua ini direnung-renung, kita mungkin berasa perlu untuk menjadi lebih rasional. Sesungguhnya kelas-kelas tuisyen sentiasa diperlukan. Guru-guru tuisyen sentiasa dialu-alukan peranan mereka. Tetapi pertanggungjawab mereka yang sebenarnya adalah sebagai pemangkin, yakni membantu mencerdaskan murid/pelajar yang kurang stamina dan kurang pintar.

Di tempat lain, keberadaan kelas-kelas tuisyen janganlah dijadikan sebagai tempat untuk ibu bapa sendiri lari dari pertanggungjawab mereka; serentak itu apa yang boleh dilakukan di sekolah sebenarnya sangat lebih baik andaikata ibu bapa sendiri benar-benar memberikan kepercayaan. Soalnya ialah, dalam banyak keadaan, seringkali kelas-kelas tuisyen hanya mampu dimanfaatkan oleh anak-anak daripada keluarga yang berada, dan pada skala persekitaran, hanya murid/pelajar bandar dan pekan sahaja yang selalu beroleh ruang untuk memilih kelas-kelas tuisyen, sedangkan di luar-luar bandar, hampir tidak ada kelas tuisyen. Mahu tak mahu, hanya apa yang dibuat di sekolah sahajalah yang akan membantu. Anahnya di sini, banyak pula murid/pelajar luar bandar, yang sejak sekian waktu, muncul sebagai murid/pelajar cemerlang kendati mereka tidak pernah masuk ke kelas tuisyen.

Bahkan tidak sedikit pula murid-murid atau pelajar-pelajar yang muncul dengan cemerlangnya dalam setiap jenis peperiksaan, padahal mereka tidak pernah masuk kelas tuisyen. Ada tak ada pun,

sebagai pemangkin, mereka hanya hadir ke kelas-kelas tambahan yang dianjurkan sendiri oleh pihak sekolah mereka?

Apa pula rahasiannya pencapaian mereka ini?

Sekali lagi, mungkin benar pandangan sekian-banyak tokoh pendidik kita bahawa kelas-kelas tuisyen adalah perlu dan patut disertai, tetapi bukan oleh pelajar-pelajar pintar, melainkan oleh pelajar-pelajar yang "sekadar cukup makan" di sekolah. Apatah, seperti dilaporkan oleh sebuah akhbar harian 12 Mac 2012 lalu, di negara-negara maju sendiri, hampir tidak ada kelas tuisyen di luar sekolah. Jika ada pun, itu adalah sekolah-sekolah-sekolah yang betul "elite" untuk anak-anak dari kalangan yang betul-betul berkemampuan dari segi perjawatan dan kewangan.

Apakah ini boleh kita jadikan sandaran kepada pendapat bahawa sebenarnya kita tidak perlukan kelas-kelas tuisyen di luar sekolah.

Pada saya, secara pribadi, tidak begitu. Dalam keadaan apa pun, kita tetap perlukan kelas-kelas tuisyen dan guru-guru tuisyen (dengan skala bagaimana sahaja), tetapi ini hendaklah sesuai dan berbarengan dengan keperluan semasa. Terutama untuk menjadi pemangkin kepada cita-cita iibubapa sendiri. Apatah di sana sini kita temui ibu bapa yang ampakannya selalu ingin membebaskan anak-anak supaya meraih sebanyak-banyak A dalam apa sahaja peperiksaan, tanpa mengambil kira kemampuan dan kekuatan anak-anak itu sendiri dari segi IQ dan fizikalnya.